



PELAN STRATEGIK **2021-2025** MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH



ISI KANDUNGAN

Perutusan Yang Dipertua	2
Ringkasan Eksekutif	3
Latar Belakang	4
Carta Organisasi MPAG	5
Fungsi MPAG	6
Punca Kuasa	9
Stakeholder dan Pelanggan	10
Visi MPAG	11
Misi MPAG	12
Nilai-nilai Bersama	13
Teras Strategik dan Cabaran Strategik	14
Strategi dan Pelan Tindakan	16
Mekanisme Pelaksanaan	30
Elemen Penentu Kejayaan	31
The Way Forward	32

PERUTUSAN YANG DIPERTUA

MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan kurnia dan keiznannya, Pelan Strategik Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) 2021-2025 telah berjaya diterbitkan. Dokumen Pelan Strategik ini adalah perancangan ke arah memperkasakan sistem pengurusan perbandaran untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan membentuk komuniti yang sejahtera.

Pelan strategik ini yang berlandaskan kepada visi dan misi MPAG akan menjadi hala tuju utama dan rujukan seluruh warga kerja MPAG. Pelan strategik ini juga menekankan aspek perancangan pembangunan yang lebih terancang bagi mewujudkan persekitaran perbandaran yang mampan berteraskan teknologi hijau menjelang 2025.

Pelan strategik yang telah dirangka ini hanya dapat dicapai melalui sokongan padu daripada semua warga kerja yang sentiasa menunjukkan semangat kerjasama yang tinggi, peka, proaktif dan responsif dengan mengambilkira kehendak pelanggan yang sentiasa menginginkan sesuatu yang terbaik daripada MPAG.

Saya percaya seluruh warga kerja mempunyai keazaman dan iltizam yang tinggi untuk menjadikan MPAG sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang cemerlang dan mampan.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga kerja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan Pelan Strategik MPAG 2021-2025. Sekian.



MOHD FADHIL BIN HASSAN

Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Alor Gajah

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik MPAG 2021-2025 adalah merupakan kesinambungan kepada Pelan Strategik MPAG 2016-2020 yang lalu. Dokumen ini adalah merupakan rujukan utama kepada hala tuju MPAG bagi tempoh lima (5) tahun akan datang dalam memberikan perkhidmatan perbandaran yang cemerlang dan ke arah perbandaran mampan.

Pelan Strategik ini mensasarkan perbandaran Alor Gajah sebagai sebuah perbandaran yang cekap dan berkualiti berteraskan teknologi hijau untuk kesejahteraan warga Alor Gajah menjelang tahun 2025. Bagi merealisasikan visi dan misi yang digariskan, lima Teras Strategik telah dikenalpasti iaitu:-

Teras Strategik 1

Membangunkan modal insan yang kompeten dan berintegriti bagi memantapkan tadbir urus.

Teras Strategik 2

Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan perbandaran bagi memperkasa kualiti hidup komuniti.

Teras Strategik 3

Memperkuhkan kedudukan kewangan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Teras Strategik 4

Meningkatkan kemampanan bandar bagi kesejahteraan komuniti.

Teras Strategik 5

Meningkatkan penglibatan komuniti dan komunikasi berkesan dalam tadbir urus bandar.



LATAR BELAKANG

Majlis Daerah Alor Gajah (MDAG) telah disusun semula mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) mulai 1 Julai 1978. Penyusunan semula di bawah Akta 171 adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Melicinkan jentera pentadbiran Majlis supaya bertambah cekap dan berkesan
2. Mengeratkan perpaduan rakyat di dalam kawasan pentadbiran Majlis
3. Memesatkan lagi projek-projek pembangunan sosio-ekonomi di kawasan Majlis
4. Membolehkan Majlis berdikari dengan berautonomi kewangan
5. Mengekalkan amalan demokrasi dengan memberi peluang kepada penduduk tempatan yang layak untuk menjadi Ahli Majlis

Dengan penyusunan semula, kawasan operasi Majlis Daerah Alor Gajah meliputi seluruh daerah Alor Gajah seluas 670.75 km² yang meliputi 13 buah pekan-pekan kecil dan 3 buah bandar utama iaitu Alor Gajah, Masjid Tanah dan Pulau Sebang.

Pada 1 Mei 2003, Majlis Daerah Alor Gajah secara rasminya telah dinaik taraf menjadi Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG). Status penarafan tersebut dicapai berikutan peningkatan pembangunan dalam kawasan pentadbirannya.

Bermula pada tahun 2010, sebahagian daripada kawasan pentadbiran MPAG telah diambilalih oleh Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ). Setelah pengambilalihan tersebut, MPAG mempunyai kawasan pentadbiran berkeluasan 635.85 km².





CARTA ORGANISASI



FUNGSI MPAG

Berdasarkan peruntukan yang terdapat dalam Akta 171, Akta 172 dan Akta 133 fungsi PBT dikelaskan kepada empat (4) kategori.

ALAM SEKITAR

- a. Pembersihan & Pengindahan Kawasan
- b. Penyediaan dan Penyelenggaraan Kawasan Rekreasi
- c. Penyediaan dan Penyelenggaraan Sistem Peparitan
- d. Pemantauan Pelupusan Sisa Pepejal
- e. Pemantauan Pencemaran Alam Sekitar
- f. Kawalan Kebersihan Premis Makanan
- g. Kawalan Pelesenan Premis Perniagaan
- h. Kawalan Vektor, Rodensia dan Haiwan Terbiar

KEMUDAHAN AWAM & INFRASTRUKTUR

- a. Menyediakan dan Menyelenggara Kemudahan Awam (Pasar, Terminal Bas, Tandas Awam, Dewan dan Lampu Awam)
- b. Menyediakan dan menyelenggara jalan-jalan taman perumahan
- c. Menyediakan dan Menguruskan Tempat Letak Kereta
- d. Menyediakan dan menyelenggara laluan pejalan kaki dan laluan basikal

PEMBANGUNAN

- a. Mengawal pembangunan melalui Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas
- b. Memproses dan memantau Kelulusan Pelan Kebenaran Merancang
- c. Memproses dan memantau Kelulusan Pelan Bangunan
- d. Memproses dan memantau Kelulusan Pelan Kerja Tanah
- e. Memproses dan memantau Kelulusan Pelan Jalan Dan Parit
- f. Memproses dan memantau Kelulusan Pelan Lanskap
- g. Memproses dan memantau Kelulusan Pelan Lampu Awam
- h. Memproses dan memantau Permit Bangunan Sementara

SOSIAL

- a. Melaksanakan program-program kemasyarakatan (Kebudayaan, Sosial, Belia dan Sukan)
- b. Melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar
- c. Melaksanakan Program Bandar Selamat
- d. Melaksanakan Program Local Agenda 21
- e. Bantuan untuk Bencana Alam

FUNGSI

Berdasarkan peruntukan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), MPAG mempunyai peranan dalam pengurusan empat kategori aktiviti iaitu alam sekitar, kemudahan awam & infrastruktur, pembangunan serta sosial.

Bagi mempercepatkan pembangunan perbandaran, MPAG turut mensasarkan projek berskala besar yang mampu memberi impak kepada pembangunan sekitar dengan penekanan utama diberi kepada sektor-sektor perumahan, perindustrian dan pelancongan. Perancangan pengukuhan kemudahan infrastruktur dan jaringan sistem perhubungan yang efisien juga diberi keutamaan kerana berpotensi mempercepatkan aliran masuk para pelabur tempatan dan asing untuk menanam modal sekaligus mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.



Kawasan Pentadbiran MPAG Mengikut DUN dan Parlimen

Kawasan pentadbiran MPAG terletak di antara daerah Melaka Tengah, Jasin dan bersempadanan dengan Negeri Sembilan. Kedudukannya adalah di antara kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ).

PENDUDUK

Mengikut unjuran penduduk berasaskan Data Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia Tahun 2010 yang diunjurkan semula pada tahun 2019, anggaran penduduk dalam daerah Alor Gajah adalah berjumlah 220,704 orang.

PECAHAN GUNA TANAH

Kategori guna tanah dalam kawasan pentadbiran MPAG adalah seperti berikut:

Rajah 2.4: Guna Tanah Semasa, Tahun 2020




Sumber: 15 Alor Gajah MPAG, 2020.
Nota: *termasuk keluasan 3 cat. air tawar

PUNCA KUASA



STAKEHOLDER DAN PELANGGAN



VISI MPAG **Alor Gajah** **Sebagai Bandar** **Lestari dan Berdaya** **Huni Menjelang 2035.**

KETERANGAN VISI

Lestari :

- a)** Selaras dengan visi negeri Melaka menuju negeri lestari, pembangunan bandar lestari merupakan satu proses untuk meningkatkan kualiti hidup bandar, merangkumi komponen ekologi, budaya, politik, institusi, sosial dan ekonomi tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang.
- b)** Agenda pembangunan lestari bukan hanya menumpukan kepada aspek alam sekitar sahaja tetapi juga faktor-faktor lain selaras dengan tujuh belas (17) matlamat pembangunan mampan (SDG) yang merupakan sasaran MPAG seiring dengan pembangunan terkini.

Bandar Yang Berdaya Huni

- a)** Bandar yang dilengkapi dengan kemudahan asas, infrastruktur, sistem pengangkutan yang baik, juga bandar yang dapat merealisasikan kehidupan harian, sejahtera, bahagia, persekitaran yang sihat dan selamat dalam semua segi dan dapat menyediakan ruang yang memberi peluang ekonomi bersesuaian dengan kekuatan pencapaian masing-masing.
- b)** Bandar yang berdaya untuk dihuni diinginkan oleh masyarakat Alor Gajah dengan memberikan pekerjaan, kediaman, kemudahan, pelbagai prasarana, kemudahan fizikal dan sosial serta alam sekitar yang bersih dan indah.

MISI MPAG
Menyediakan Tadbir
Urus Yang Cekap,
Perkhidmatan Perbandaran
Yang Berkualiti Dan
Pembangunan Yang
Seimbang Untuk
Kesejahteraan Masyarakat
Alor Gajah

KETERANGAN MISI

Menyediakan perkhidmatan perbandaran terbaik, inovatif dan responsif kepada masyarakat Alor Gajah.

Menyediakan pembangunan yang seimbang dan infrastruktur yang lengkap bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat.

MPAG juga menekan dan memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan yang efisien dan berteknologi hijau selaras dengan visi menuju negeri lestari.

SLOGAN MPAG

Alor Gajah Bandar Sejahtera, Maju dan Dinamik

Bandar Sejahtera - Kehidupan masyarakat yang sejahtera, sihat dan harmoni dalam atau bandar yang boleh didiami, bekerja, belajar dan berekreasi.

Maju - Ke arah perbandaran yang lebih maju dengan sektor ekonomi yang berdaya saing, infrastruktur yang efisien dan komuniti yang sejahtera.

Dinamik - menggalakkan pembangunan dan mengekalkan kemampanan dan bandar pintar.

NILAI-NILAI BERSAMA

Profesional

- a. Melaksanakan setiap tindakan berasaskan undang-undang, peraturan dan garis panduan.
- b. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab berpandukan kepada pengetahuan, kemahiran, pertimbangan dan kepentingan organisasi.

Responsif

- a. Peka dan prihatin kepada kehendak *stakeholders* dan keperluan pelanggan di samping memahami isu-isu semasa serta mencari penyelesaian terbaik.
- b. Mengutamakan pelanggan dan bertindak balas terhadap aduan pelanggan dengan cepat.

Kerja Berpasukan

- a. Saling bekerjasama dan sepakat dalam semua tindakan demi kepentingan organisasi.
- b. Saling bergantung dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran, pengetahuan dan bertanggungjawab terhadap prestasi pasukan serta bersedia melaksanakan tugas secara bersama.

Berintegriti

- a. Menjalankan tugas dengan penuh amanah, bertanggungjawab dan berpegang kepada prinsip kejujuran yang tinggi.
- b. Melaksanakan tugas mengikut pematuhan sistem dan proses kerja kepada amalan terbaik.

TERAS STRATEGIK DAN CABARAN STRATEGIK

TERAS STRATEGIK 1	MEMBANGUNKAN MODAL INSAN YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI BAGI MEMANTAPKAN TADBIR URUS.
CABARAN STRATEGIK	Modal Insan merupakan faktor utama dalam memastikan pencapaian visi dan misi MPAG. Pembangunan Modal Insan merangkumi perancangan dan pengurusan sumber manusia yang optimum kepada semua lapisan anggota MPAG. Semua anggota MPAG perlu berpengetahuan dalam pelbagai bidang tugas, mempunyai nilai-nilai murni dan integriti yang tinggi serta menghayati konsep 'Kerajaan Tempatan'. Ahli-ahli Majlis adalah perhubungan antara MPAG dan masyarakat serta berperanan untuk meningkatkan keterlibatan masyarakat dalam pengurusan perbandaran mampan. Ahli Majlis perlu mempunyai pengetahuan dan pendedahan yang relevan bagi membantu MPAG dalam pencapaian visi dan misi.
TERAS STRATEGIK 2	MENINGKATKAN KECERKASAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BAGI MEMPERKASA KUALITI HIDUP KOMUNITI.
CABARAN STRATEGIK	MPAG perlu bersedia menghadapi cabaran dengan perancangan dan tindakan secara sistematik untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan supaya sentiasa berkualiti dan memenuhi ekspektasi pelanggan. Empat kategori perkhidmatan MPAG termasuk Pengurusan Alam Sekitar, Kemudahan Awam & Infrastruktur, Pembangunan serta Sosial. Disamping itu, peningkatan imej korporat, pengurusan aduan yang efektif perlu diberi perhatian. Dalam hal ini penghasilan inovasi, pemerkasaan prosedur serta penggunaan teknologi terkini dan hijau merupakan budaya kerja baru. Penambahbaikan berterusan akan menjadikan tadbir urus MPAG cemerlang.

TERAS STRATEGIK 3	MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN.
CABARAN STRATEGIK	Kedudukan kewangan yang mantap akan memberi ruang kepada MPAG untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat serta dapat merancang pembangunan dengan lebih holistik. MPAG perlu mengambil tindakan yang lebih komprehensif terhadap kutipan punca hasil sediada selaras dengan akta, enakmen dan peraturan yang telah ditetapkan. Tindakan penguatkuasaan undang-undang yang tegas dan berterusan serta meminimumkan ketirisan hasil perlu dilaksanakan untuk memaksimumkan kutipan hasil. Disamping itu, MPAG perlu memperluaskan penjaan sumber-sumber kewangan baru.
TERAS STRATEGIK 4	MENINGKATKAN KEMAMPANAN BANDAR BAGI KESEJAHTERAAN KOMUNITI.
CABARAN STRATEGIK	Isu-isu perbandaran seperti kualiti alam sekitar, jaringan pengangkutan, kesaksamaan sosial, kadar jenayah, peluang perniagaan, peluang pekerjaan serta kemudahan dan infrastruktur awam yang efektif perlu diberi perhatian yang sewajarnya. MPAG perlu memastikan bandar dilengkapi dengan persekitaran yang selamat dan sejahtera untuk membolehkan setiap rakyat menjadikan bandar sebagai kawasan kediaman yang kondusif untuk didiami. Oleh itu, kriteria dalam " Sustainable Development Goals" dan petunjuk bandar mampan akan diberikan perhatian dalam perancangan dan pembangunan bandar
TERAS STRATEGIK 5	MENINGKATKAN PENGLIBATAN KOMUNITI DAN KOMUNIKASI BERKESAN DALAM TADBIR URUS BANDAR.
CABARAN STRATEGIK	MPAG perlu menjadi sebuah organisasi yang hebat dan dihormati oleh masyarakat. Ini akan memperluaskan platform penglibatan masyarakat dalam rancangan bandar yang efektif. Dengan adanya hubungan baik MPAG dan masyarakat ianya boleh menjayakan semua program dan aktiviti yang dirancang oleh MPAG. Disamping itu, MPAG juga perlu memperkembangkan mekanism komunikasi supaya masyarakat dan MPAG dapat membentuk persefahaman yang jelas dan membantu dalam urus tadbir dan pembangunan bandar.

STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 1

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI BAGI MEMANTAPKAN TADBIR URUS

Strategi :

1. Meningkatkan tahap kompetensi warga kerja
2. Meningkatkan tahap integriti warga kerja
3. Memperkasa peranan Ahli Majlis.

TERAS STRATEGIK 2

MENINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BAGI MEMPERKASA KUALITI HIDUP KOMUNITI

Strategi :

1. Memperkasa tadbir urus
2. Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan

TERAS STRATEGIK 3

MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Strategi :

1. Memperluaskan sumber pendapatan
2. Meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan

TERAS STRATEGIK 4

MENINGKATKAN KEMAMPAKAN BANDAR BAGI KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Strategi :

1. Mewujudkan persekitaran yang selamat dan sejahtera.
2. Meningkatkan mutu alam sekitar.

TERAS STRATEGIK 5

MENINGKATKAN PENGLIBATAN KOMUNITI DAN KOMUNIKASI BERKESAN DALAM TADBIR URUS BANDAR

Strategi :

1. Meningkatkan penglibatan komuniti dalam urus tadbir bandar
2. Memperkasa komunikasi bersama komuniti.

TERAS STRATEGIK 1	MEMBANGUNKAN MODAL INSAN YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI BAGI MEMANTAPKAN TADBIR URUS
--------------------------	---

Strategi 1	MENINGKATKAN TAHAP KOMPETENSI WARGA KERJA
-------------------	--

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
1.	Penyediaan dan pelaksanaan Pelan Operasi Latihan.	Pencapaian Pelan Operasi Latihan.	Pelan operasi latihan dilaksanakan sepenuhnya	Warga kerja yang kompeten	Setiap Tahun	Khidmat Pengurusan
2.	Meningkatkan budaya kerja proaktif dan inovatif.	Penghasilan produk Inovasi.	Melaksanakan program penghasilan produk inovasi.	Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan	Setiap Tahun	Khidmat Pengurusan
3.	Meningkatkan kecekapan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.	a. Bilangan mesyuarat / pemantauan. b. Kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan.	a. Melaksanakan Mesyuarat JK Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. b. Melaksanakan kursus bagi bidang yang berkaitan.	Persekitaran kerja yang selamat.	Setiap Tahun	Kebersihan & Kesihatan

TERAS STRATEGIK 1
MEMBANGUNKAN MODAL INSAN YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI BAGI MEMANTAPKAN TADBIR URUS
Strategi 2
MENINGKATKAN INTEGRITI WARGA KERJA

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
1.	Program kerjasama Bersama SPRM.	Bilangan program kerjasama.	Melaksanakan program kerjasama bersama SPRM.	Warga kerja yang berintegriti.	Setiap Tahun	Khidmat Pengurusan
2.	Melaksanakan Audit Nilai.	Pencapaian skor Audit Nilai.	Pencapaian skor Audit Nilai melebihi 80%	Meningkatkan imej organisasi berhubung tahap amalan nilai.	Setiap Tahun	Khidmat Pengurusan
3.	Melaksanakan Pelan Tindakan Anti Rasuah.	Pencapaian pelan tindakan anti rasuah.	Pelan tindakan anti rasuah diwujudkan dan dilaksanakan.	Warga kerja yang berintegriti.	Setiap Tahun	Khidmat Pengurusan
4.	Melaksanakan Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ISO 37001).	Mengekalkan pensijilan.	Sistem Pengurusan Anti Rasuah diwujudkan dan dilaksanakan.	Warga kerja yang berintegriti.	Setiap Tahun	Khidmat Pengurusan



TERAS STRATEGIK 1

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN YANG KOMPETEN DAN BERINTEGRITI BAGI MEMANTAPKAN TADBIR URUS

Strategi 3

MEMPERKASA PERANAN AHLI MAJLIS

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
1.	Meningkat pengetahuan dan integriti Ahli Majlis	Bilangan kursus / latihan.	Melaksanakan Kursus Ahli Majlis.	Ahli Majlis yang kompeten dan berintegriti.	Setiap Tahun	Korporat & Khidmat Masyarakat
2.	Meningkatkan peranan Ahli Majlis sebagai penghubung kepada komuniti.	Bilangan libat urus bersama komuniti.	Melaksanakan dua (2) libat urus bersama komuniti setahun bagi setiap Ahli Majlis.	Meningkatkan keterlibatan komuniti dalam pengurusan bandar.	Setiap Tahun	Korporat & Khidmat Masyarakat



TERAS STRATEGIK 2
MENINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BAGI MEMPERKASA KUALITI HIDUP KOMUNITI
Strategi 1
MEMPERKASA TADBIR URUS

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
1.	Mengubal dan/atau Meminda Undang-Undang.	Mengubal dan/atau Meminda Undang-Undang	Menggubal Dan / Atau Tambah Baik Undang-Undang Sedia Ada Setiap Tahun	Proses Gubalan Dan / Atau Pindaan Undang-Undang Yang Cekap Dan Berkesan	Setiap Tahun	Undang-Undang
2.	Memperluaskan sistem kerja melalui ICT.	Bilangan proses kerja yang diautomasikan.	Semua proses kerja utama yang diautomasikan.	Kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan.	Setiap Tahun	Khidmat Pengurusan
3.	Memperkasa tindakan Penguatkuasaan.	Bilangan program dan operasi.	Melaksanakan program dan operasi penguatkuasaan.	Meningkatkan tahap kepatuhan komuniti kepada peraturan.	Setiap Tahun	Penguatkuasaan
4.	Memperkasa Pengurusan Aduan Awam.	Peratusan penyelesaian aduan.	a. 95% aduan kategori mudah diselesaikan dalam tempoh 5 hari. b. 95% aduan kategori sederhana diselesaikan dalam tempoh 15 hari.	Meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.	Setiap Tahun	Korporat & Khidmat Masyarakat
5.	Melaksanakan MS ISO 9001:2015.	Pensijilan MS ISO 9001:2015	Melaksanakan sistem kualiti MS ISO 9001:2015.	Meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.	Setiap Tahun	Khidmat Pengurusan

TERAS STRATEGIK 2

MENINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BAGI MEMPERKASA KUALITI HIDUP KOMUNITI

Strategi 1

MEMPERKASA TADBIR URUS

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
6.	Penilaian tahap kepuasan pelanggan.	Peratusan kepuasan pelanggan.	Penilaian Kepuasan Pelanggan dua (2) kali setahun dengan peratusan melebihi 90%.	Meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan.	Setiap tahun	Korporat & Khidmat Masyarakat
7.	Penilaian Pencapaian Piagam Pelanggan.	Prestasi Pencapaian Piagam Pelanggan.	Penilaian Pencapaian Piagam Pelanggan pada setiap bulan dengan peratusan melebihi 90%.	Meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan.	Setiap tahun	Khidmat Pengurusan
8.	Pengurusan Aset	Bilangan penggantian kenderaan yang melebihi 10 tahun.	Bilangan yang perlu diganti dalam tempoh 5 tahun i. 2021 - Tiga (3) kenderaan ii. 2022 - Enam (6) kenderaan iii. 2023 - Tiga (3) kenderaan iv. 2024 - Enam (6) kenderaan v. 2025 - Lima (5) kenderaan	Mengurangkan kos penyelenggaraan kenderaan yang semakin meningkat dan melancarkan operasi perkhidmatan.	Setiap tahun	Khidmat Pengurusan



TERAS STRATEGIK 2
MENINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BAGI MEMPERKASA KUALITI HIDUP KOMUNITI
Strategi 2
MENINGKATKAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
1.	Memperkasa sistem memproses pelan pembangunan.	Peratusan pencapaian piagam pelanggan.	Penilaian pencapaian piagam pelanggan melebihi 90%	Meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan.	Setiap tahun	OSC
2.	Meningkatkan keindahan bandar.	Bilangan projek pengindahan.	Melaksanakan projek pengindahan.	Meningkatkan keceriaan dan kebersihan kawasan.	Setiap tahun	Pengindahan Bandar
3.	Memperkuatkan sektor pelancongan.	a. Bilangan dan kaedah promosi pelancongan. b. Bilangan projek meningkatkan imej dan kemudahan kawasan pelancongan.	a. Mempromosikan pelancongan Alor Gajah. b. Melaksanakan projek meningkatkan imej dan kemudahan kawasan pelancongan.	Peningkatan pelancong ke Alor Gajah.	Setiap tahun	Perancangan Bandar

TERAS
STRATEGIK 2

MENINGKATKAN KECEKAPAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
PERBANDARAN BAGI MEMPERKASA KUALITI HIDUP KOMUNITI

Strategi 2

MENINGKATKAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
4.	Memantapkan Penguatkuasaan Kawalan Pembangunan	Bilangan permohonan / mesyuarat	Memastikan semua pembinaan perlu mengemukakan pelan bangunan	i. Pemutihan Chalet/homestay Mengenal pasti sebanyak 19 Chalet / Homestay sedia ada perlu mengemukakan pelan setiap tahun ii. Pemutihan Reban Ayam Mengenalpasti sebanyak 6 unit reban ayam bagi tindakan pemutihan setiap tahun iii. Pemutihan Bangunan yang Melanggar Akta 133 (Perindustrian & Bgn Perniagaan sedia ada) Mengenalpasti sebanyak 20 Bangunan Industri bagi tindakan pemutihan setiap tahun iv. Pemutihan Tempat letak kereta di Kawasan Perindustrian & Perumahan Menyediakan garispanduan serta kelulusan vi. Mengadakan Mesyuarat Kawalan Bangunan 3 kali Setahun vi. Mengadakan Mesy Khas JK Pemutihan Permit Sementara Bangunan 3 kali setahun	Setiap tahun	Bangunan

**TERAS
STRATEGIK 3**

**MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI MENINGKATKAN
KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

Strategi 1

MEMPERLUASKAN SUMBER PENDAPATAN

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
1.	Memaksimumkan kutipan hasil semasa.	Peratusan kutipan hasil.	Kutipan hasil melebihi 95% daripada anggaran.	Peningkatan hasil	Setiap Tahun	Kewangan
2.	Mempergiatkan kutipan tunggakan.	Peratus kutipan tunggakan.	Kutipan tunggakan melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan tunggakan pada setiap tahun.	Peningkatan hasil	Setiap Tahun	Kutipan Tunggakan
3.	Menjana hasil baru.	Nisbah hasil bukan cukai kepada hasil cukai.	Nisbah hasil bukan cukai kepada hasil cukai adalah 60:40.	Peningkatan hasil	2023	Kewangan



TERAS STRATEGIK 3

MEMPERKUKUHKAN KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Strategi 2

MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN KEWANGAN

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
1.	Meningkatkan kawalan pengurusan kewangan.	a. Pengauditan Pengurusan Kewangan.	a. Menjalankan pengauditan pengurusan kewangan.	Pengurusan kewangan yang cekap.	2021-2025	Audit Dalam
		b. Penarafan Sijil	b. Sijil Audit Bersih	Pengurusan kewangan yang cekap.	2021-2025	Kewangan



TERAS STRATEGIK 4
MENINGKATKAN KEMAMPAHAN BANDAR BAGI KESEJAHTERAAN KOMUNITI
Strategi 1
MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG SELAMAT DAN SEJAHTERA

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
1.	Program bandar selamat.	Bilangan program bandar selamat.	Melaksanakan program bandar selamat.	Penurunan kadar jenayah indeks	Setiap Tahun	Perancangan Bandar
2.	Program LA21.	Bilangan program LA 21.	Melaksanakan program LA 21.	Kesedaran masyarakat meningkat terhadap pemuliharaan alam sekitar.	Setiap Tahun	Perancangan Bandar
3.	Mengukur dan menilai kemampuhan bandar.	Pencapaian Penilaian MURNInets.	Pencapaian bandar mampan melebihi 95%.	Bandar paling mampan di Malaysia.	Setiap Tahun	Perancangan Bandar
4.	Inisiatif Bandar Pintar (<i>Smart City</i>).	Bilangan inisiatif Bandar Pintar.	Melaksanakan aktiviti Bandar Pintar.	Meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan tahap kebahagiaan.	2021-2025	Perancangan Bandar / Khidmat Pengurusan



TERAS STRATEGIK 4
MENINGKATKAN KEMAMPAHAN BANDAR BAGI KESEJAHTERAAN KOMUNITI
Strategi 2
MENINGKATKAN MUTU ALAM SEKITAR

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
1.	Transformasi ke arah bandar rendah karbon	Bilangan program.	Melaksanakan program bandar rendah karbon	Bandar rendah karbon.	Setiap Tahun	Perancangan Bandar
2.	Memperkasakan amalan 3R dikalangan komuniti.	Bilangan program.	Melaksanakan program 3R.	Kadar kitar semula meningkat.	Setiap Tahun	Perancangan Bandar / Kebersihan & Kesihatan
3.	Meningkatkan kecekapan pembersihan awam.	a. Bilangan pemantauan.	a. Memantau kerja-kerja pembersihan oleh SWCorp dan kontraktor.	Persekitaran bandar yang bersih.	Setiap Tahun	Kebersihan & Kesihatan
		b. Bilangan program.	b. Melaksanakan program kesedaran / pertandingan.	Persekitaran bandar yang bersih.	Setiap Tahun	Kebersihan & Kesihatan
4.	Program / projek Inisiatif hijau.	Bilangan program / projek hijau.	Melaksanakan program dan projek hijau.	Bandar lestari.	Setiap Tahun	Perancangan Bandar
5.	Pengredan premis makanan.	Peratusan premis.	Peratus Premis makanan Gred A meningkat	Premis makan yang bersih	Setiap Tahun	Pelesenan
6.	Pengredan tandas awam / swasta.	Bilangan tandas.	Bilangan tandas awam dan swasta bertaraf 5 bintang meningkat.	Tandas awam yang bersih dan selesa	Setiap Tahun	Kebersihan & Kesihatan

**TERAS
STRATEGIK 5**
**MENINGKATKAN PENGLIBATAN KOMUNITI DAN KOMUNIKASI BERKESAN
DALAM TADBIR URUS BANDAR**
Strategi 1
MENINGKATKAN PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM URUS TADBIR BANDAR

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
1.	Program kemasyarakatan disemua peringkat.	Bilangan program.	Melaksanakan program kemasyarakatan disemua peringkat.	Meningkatkan penglibatan komuniti dalam pengurusan bandar.	Setiap Tahun	Korporat & Khidmat Masyarakat
2.	Program pengiktirafan kepada komuniti.	Bilangan program.	Melaksanakan program pengiktirafan kepada komuniti.	Meningkatkan penglibatan komuniti dalam pengurusan bandar.	Setiap Tahun	Korporat & Khidmat Masyarakat
3.	Program kolaborasi bersama agensi kerajaan / swasta / NGO/ IPT.	Bilangan program.	Melaksanakan program kolaborasi bersama agensi kerajaan /swasta/NGO/IPT	Meningkatkan penglibatan komuniti dalam pengurusan bandar.	Setiap Tahun	Korporat & Khidmat Masyarakat



TERAS STRATEGIK 5

MENINGKATKAN PENGLIBATAN KOMUNITI DAN KOMUNIKASI BERKESAN DALAM TADBIR URUS BANDAR

Strategi 2

MEMPERKASAKAN KOMUNIKASI BERSAMA KOMUNITI

BIL	PROGRAM	PETUNJUK PRESTASI	SASARAN	OUTCOME	TAHUN / TEMPOH SASARAN	JABATAN / UNIT
1.	Program <i>engagement</i> bersama komuniti peniaga dan pelabur.	Bilangan program.	Melaksanakan program <i>engagement</i> bersama komuniti perniagaan dan pelabur.	Meningkatkan penglibatan komuniti dalam pengurusan bandar.	Setiap Tahun	Pelesenan / Perancangan Bandar
2.	Menyediakan laporan tahunan dan buletin.	a. Penerbitan Buletin. b. Penerbitan Laporan Tahunan.	a. Buletin dikeluarkan dua (2) kali setahun. b. Laporan Tahunan dikeluarkan sekali setahun.	Komuniti berpengetahuan dalam aktiviti yang dijalankan oleh MPAG.	Setiap Tahun	Korporat & Khidmat Masyarakat



MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan penglibatan semua pihak, termasuk Ahli-Ahli Majlis dan orang awam Pelan Strategik MPAG dihebahkan melalui laman sesawang MPAG serta penyediaan risalah untuk diedarkan.

Pada setiap tahun Pelan Operasi Tahunan (Sasaran Kerja Tahunan) disediakan berasaskan kepada Pelan Tindakan yang telah digariskan dalam Pelan Strategik MPAG.

Jawatankuasa Pelan Strategik MPAG diwujudkan dan dipengerusikan oleh Yang Dipertua berperanan untuk menilai pelaksanaan pelan tindakan untuk menentukan pencapaian dan keberkesanan objektif, strategi dan program yang telah dirancang. Penilaian dibuat pada setiap 6 bulan dan penyelarasan semula dibuat mengikut keperluan.



ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Struktur Organisasi

Struktur Organisasi yang mantap akan membolehkan pelaksanaan pelan strategik ini digerakkan dengan lebih cekap dan berkesan. Semakan secara berterusan terhadap fungsi-fungsi dan beban tugas perlu dilaksanakan. Sistem kerja, prosedur, peraturan dan garis panduan yang jelas perlu dikemaskini mengikut keperluan semasa.

Sumber Manusia

Warga kerja yang komited, kompeten dan kreatif adalah faktor yang menentukan kejayaan Pelan Strategik MPAG. Oleh itu, warga kerja perlu berintegriti, mengamalkan nilai-nilai murni dan menghayati semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Program-program latihan yang menumpukan kepada kemahiran berfikir secara strategik, kreatif dan inovatif perlu dipertingkatkan untuk melahirkan kakitangan yang lebih responsive dan inovatif serta berupaya menghasilkan idea-idea baru ke arah kecemerlangan organisasi.

Kepimpinan yang berkesan

Program-program pembangunan kepimpinan perlu diberikan kepada pegawai-pegawai agar dapat membentuk pegawai yang berkaliber untuk memimpin dan mengurus perubahan secara strategik bagi menerajui MPAG ke tahap yang lebih cemerlang.

Sumber Kewangan

Sumber kewangan yang kukuh dapat memastikan pelan strategik ini tercapai. Sumber hasil perlu ditingkatkan dan dipelbagaikan bagi menyediakan sumber kewangan yang mencukupi untuk MPAG melaksanakan program dan aktiviti yang dirancang.

THE WAY FORWARD

Selepas perancangan strategik ini dilaksanakan dan berakhir pada tahun 2025, peranan MPAG diharap akan lebih menyerlah dalam aspek pengurusan dan perkhidmatan perbandaran. Oleh kerana agenda pengurusan dan perkhidmatan perbandaran adalah agenda yang berterusan, maka perancangan strategik 2021-2025 bukanlah satu tempoh yang secukupnya untuk mengukur pencapaian secara holistik. Perancangan ini perlu diteruskan lagi bagi membangunkan dan memantapkan lagi tranformasi pengurusan dan perkhidmatan perbandaran MPAG berdasarkan kepada keperluan semasa.

Selepas tahun 2025, MPAG mempunyai wawasan untuk menjadi PBT yang terunggul di Malaysia dalam pengurusan dan perkhidmatan perbandaran yang cekap lagi berkesan serta dijadikan penandaaras dan pusat rujukan di peringkat nasional dan antarabangsa.





Diterbitkan Oleh:

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH,
Lebuh AMJ,
78000 Alor Gajah, Melaka
T : +606 333 3333
F : +606 556 4909
E : mpag@mpag.gov.my